



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“GENERASI AL-QURAN GENERASI RABBANI”

Tarikh Dibaca :

**18 RAMADAN 1442H/
30 APRIL 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



“GENERASI AL-QURAN, GENERASI RABBANI”

18 RAMADAN 1442H / 30 APRIL 2021

الْحَمْدُ لِلَّهِ ذِي الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ، فَضْلَ شَهْرِ رَمَضَانَ عَلَىٰ غَيْرِهِ مِنْ شُهُورِ الْعَامِ، خَصَّهُ بِمَزِيدٍ مِنَ الْفَضْلِ وَالْكَرَمِ وَالْإِنْعَامِ، وَأَشَهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
ذِي الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ مَنْ صَلَّى وَصَامَ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ الْبَرَّةِ الْكِرَامِ، وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

إِنَّمَا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتُقْوَا اللَّهَ، أُوْصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُونَ، قَالَ

اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ، : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿الرٰۤ كَتَبَ أَنَزَلَنَّهُ

إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

ابراهيم: ١

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa

berada dalam rahmat dan keredaan Allah SWT di dunia maupun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Generasi Al-Quran, Generasi Rabbani**”. Khatib juga ingin menyeru kepada semua agar dapat terus mematuhi garis panduan pencegahan Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera mendaftar penerimaan vaksin Covid-19. Mudah-mudahan Allah SWT menyelamatkan kita dari segala bentuk musibah dan wabak penyakit yang berbahaya.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Al-Quran diturunkan bertujuan untuk membimbing manusia ke arah jalan kebenaran lagi terpuji menurut manhaj llahi. Allah SWT telah menjelaskan hakikat ini dalam firman-Nya yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Alif Lam Ra’, Kitab (al-Quran) yang Kami telah menurunkannya kepada engkau (wahai Muhammad) supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (keimanan) dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji.” (Surah Ibrahim ayat 1)

Baginda Rasulullah SAW telah berjaya mendidik dan membina para sahabat sebagai Generasi al-Quran yang unggul, **جِيلٌ قُرَآنِيٌّ فَرِيدٌ** yang benar-benar faham tentang

al-Quran sehingga sanggup berkorban kerana Allah SWT. Ada antara mereka sanggup mengorbankan jiwa dan raga lantas gugur syahid sebagai syuhada’. Sebahagiannya pula, setiap inci tubuh badan mereka dipenuhi dengan luka-luka kesan libasan pedang, sebahagiannya sanggup menyerahkan harta benda mereka untuk Allah SWT. Ada yang kehilangan ahli keluarga tersayang. Namun mereka tidak pernah berasa rugi dengan kehilangan semua itu, malah mereka sanggup berjuang dan berjihad semata-mata mempertahankan aqidah dan membela agama Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 23:

﴿مَنْ أَمْوَمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهُ عَلَيْهِ فِيمْنُهُمْ مَنْ قَضَى نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَنْ يَنْتَظِرُ﴾

٢٣
وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا

Maksudnya: “Antara orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka antara mereka ada yang telah selesai menunaikan janjinya (lalu gugur syahid) dan antaranya ada yang menunggu (giliran) serta mereka pula tidak berubah sedikit pun (apa yang mereka janjikan)”.

Inilah generasi al-Quran yang berjaya dilahirkan oleh Rasulullah SAW daripada kalangan sahabat sehingga Islam tersebar ke seluruh pelosok dunia dan berjaya dianuti oleh sebahagian besar umat di dunia ini.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Syed Qutub telah menulis dalam kitabnya *Maa'lim Fi al-Tariq*, bahawa para sahabat baginda merupakan generasi al-Quran terbaik yang pernah lahir di tengah umat manusia. Firman Allah SWT dalam Surah Ali-Imran ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْلَا إِيمَانَ أَهْلِ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ قَنْتَهُمُ الْمُؤْمِنُونَ

وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِيقُونَ ١١٠

Maksudnya: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang dari segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).”

Dalam memahami maksud ayat ini, beliau telah melontarkan satu soalan, kenapakah generasi terbaik Islam tidak muncul pada hari ini? Sedangkan al-Quran dan hadis masih berada dalam tangan umat Islam dan ia tetap terpelihara seperti zaman sebelumnya.

Beliau memberikan jawapan bahawa generasi al-Quran hanya akan dapat dilahirkan kembali apabila umat Islam memiliki dan melaksanakan tiga langkah seperti yang dilakukan oleh Nabi SAW dan dalam kalangan generasi sahabat terdahulu. Langkah-langkah tersebut ialah:

Pertama: Umat Islam perlu mencintai al-Quran dan menjadikannya sebagai satu-satunya sumber rujukan dalam kehidupan. Hal ini bermakna, al-Quran harus ditanam dalam hati dan fikiran, serta menjadi roh dalam setiap nafas kehidupan.

Kedua: Umat Islam hendaklah memiliki ketaatan yang tidak berbelah bagi terhadap perintah Allah SWT dalam al-Quran. Al-Quran mestilah dipelajari, tidak hanya untuk menjadi bahan kajian dan diperdengarkan bacaan semata-mata, tetapi benar-benar untuk dilaksanakan. Syed Qutub menjelaskan, al-Quran perlu disatukan dalam jiwa raga umat Islam dan digunakan dalam kehidupan mereka. Al-Quran tidak sepatutnya hanya tersimpan dalam karya-karya ilmiah semata-mata, tetapi ia mesti difahami dan diamalkan.

Ketiga: Umat Islam hendaklah meninggalkan amalan jahiliyah termasuk cara hidup serta pemikirannya.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bersempena dengan Hari Pekerja yang akan disambut pada setiap 1 Mei, khatib menyeru kepada sidang jemaah sekalian, marilah sama-sama kita bertekad dengan azam yang kuat untuk menjadi seorang pekerja berintegriti dan berproduktiviti tinggi. Sebagai pekerja, sewajarnya kita merasakan bahawa setiap tugas dan masa yang diperuntukkan kepada kita, merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang mesti dipelihara kerana semuanya itu akan ditanya di hadapan Allah SWT di Mahsyar kelak.

Pandemik Covid-19 telah mendidik kita bekerja dalam norma baharu, yang sedikit sebanyak telah mengubah corak dan gaya pelaksanaan kerja di tempat kerja daripada norma yang biasa. Namun, sebagai Muslim yang beriman, kita wajib menghadapi semuanya itu sebagai satu ujian daripada Allah SWT yang mahu menguji keimanan dan kesabaran kita. Seharusnya ujian tersebut harus dijadikan cabaran yang boleh membakar semangat untuk terus melaksanakan kerja yang berkualiti demi meneruskan

kelangsungan hidup atas dunia ini. Dua sifat, perlu ada pada setiap pekerja yang diajarkan oleh al-Quran sehingga kita menjadi seorang yang terbaik di sisi majikan kita ialah amanah dan ketekunan dalam melaksanakan kerja. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas ayat 26:

﴿ قَالَتِ إِحْدَاهُمَا يَتَابِتِ أَسْتَعْجِرُهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَعْجَرَهُ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴾

Maksudnya: “Salah seorang antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyeru kepada semua untuk sama-sama kita mencorakkan dan membina generasi hari ini termasuklah golongan pekerja supaya menjadi generasi Rabbani yang dapat melaksanakan seluruh tuntutan al-Quran dalam kehidupan. Usaha tersebut dapat dicapai dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

Pertama: Menjadikan al-Quran sebagai sumber hidayah atau petunjuk.

Kedua: Hendaklah berpegang kepada ajaran Islam sahaja sebagai ajaran yang hak dan benar serta diredayai oleh Allah SWT.

Ketiga: Menjadikan al-Quran sebagai neraca dalam menentukan antara kebenaran dan kebatilan.

Keempat: Mengikhlaskan diri dalam mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT.

Kelima: Menjadikan Islam sebagai paksi perpaduan ummah dengan menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama.

Firman Allah SWT:

﴿ الْمَ ١ ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَبَّ لَهُ فِيهِ هُدَىٰ لِلْمُتَّقِينَ ﴾

Maksudnya: “Alif Laam Mim. Kitab al-Quran ini sebenarnya tidak ada sebarang

keraguan (sebagai sesuatu yang datangnya daripada Allah SWT dan sempurnanya) kemudian ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang mahu bertakwa” (**Surah al-Baqarah ayat 1-2**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَىٰ إِلَهِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْتَاهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ

بِالصَّلَاةِ وَالْتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، قَالَ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ، يُصَلِّونَ عَلَىٰ

النَّبِيِّ يَسِيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأَعْلَيَهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ

وَأَرْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقِ الرَّاسِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا
 سري ڦدوك بکيندا يع دٺرتوان اکوغ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
 بِاللهِ شَاهُ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجُ أَحْمَدُ شَاهُ الْمُسْتَعِينُ بِاللهِ

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سري ڦدوك بکيندا راج ڦرمایسوري اکوغ ،
 تُونکو(Tunku) حاجه عَزِيزَةُ أَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنَدَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلُ عَلَى
 اللهِ سُلْطَانُ إِسْكَنَدَرُ الْحَاجُ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَّاعَهُ وَقُضاَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
 بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعِلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمِئْنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَآمَانٍ،

وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،

وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا

وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادِنِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَبِّ الْأَسْقَامِ، يَا

أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَنَهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ ﴾

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْنَكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.